



EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 12 tengah hari, Sabtu 12 Oktober 2024.

Untuk Terbitan Media

12 Oktober 2024

SIARAN MEDIA

LEBIH 2,745 PELUANG PEKERJAAN DITAWARKAN, PERKASA PASARAN BURUH DI SABAH

KOTA KINABALU: Lebih 2,745 peluang pekerjaan daripada oleh 40 majikan merangkumi pelbagai sektor ditawarkan menerusi penganjuran Karnival Kerjaya Mega Madani MYFutureJobs PERKESO Negeri Sabah 2024.

Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Panglima Hajiji Noor, berkata Sabah mencatatkan peningkatan kadar pengangguran kepada lapan peratus untuk suku kedua 2024 berbanding 7.9 peratus pada suku sebelumnya.

Katanya, data Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) itu sekali gus menjadikan penganjuran karnival ini dilihat tepat pada masanya dalam usaha menangani isu pengangguran di Sabah.

"Setakat 27 September lalu, Sabah berjaya mencatatkan penempatan pekerjaan sebanyak 7,448 individu, justeru kita harap inisiatif ini dapat ditingkatkan bagi menyediakan perkhidmatan pencarian pekerjaan yang lebih berkesan kepada rakyat Sabah," katanya pada ucap-tama perasmian Karnival Kerjaya Mega Madani MYFutureJobs PERKESO Negeri Sabah 2024, hari ini.

Mengulas lanjut, Hajiji berkata, karnival kerjaya kali ini mengetengahkan pembaharuan menarik melalui pengenalan elemen gamifikasi dalam proses temu duga dengan pendekatan inovatif ini melibatkan sistem pengumpulan mata, persaingan, dan ganjaran yang menggalakkan penglibatan aktif pencari kerja.

"Pengenalan kepada elemen baharu ini mampu membantu majikan mendapatkan calon yang lebih tepat, seterusnya membolehkan pencari kerja mengetahui tahap keupayaan sendiri atau kesesuaian jawatan yang dipohon melalui markah atau mata terkumpul dalam elemen permainan ini," katanya.

Pada majlis sama, Hajiji turut mengumumkan inisiatif terbaharu Sabah menerusi pengintegrasian data antara Jabatan Pembangunan Sumber Manusia (JPMSM) di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Sabah (KSTI) dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

"Inisiatif ini akan menggabungkan Sabah Jobs Portal (SJP) dan Portal MYFutureJobs (MFJ) bagi memudahkan pencari kerja mendapatkan maklumat terkini dan membantu majikan mencari bakat yang sesuai.

"Usaha ini adalah sebahagian daripada komitmen berterusan kerajaan dalam memastikan kesejahteraan rakyat Sabah dengan matlamat untuk mengurangkan kadar pengangguran dan meningkatkan taraf hidup rakyat Sabah dapat dicapai.

"Pengintegrasian data ini dijangka mempercepatkan proses padanan pekerjaan, mengurangkan kadar pengangguran dan meningkatkan kebolehpasaran rakyat Sabah secara keseluruhan selaras dengan hasrat kerajaan untuk memastikan tiada golongan yang terpinggir dalam arus pembangunan negeri," jelasnya

Tamat

###

Mengenai PERKESO

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Iaitu, kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip 'Prihatin' dan '*no one left behind*'. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MYFutureJobs One Stop Center di Malaysia. Layari www.perkeso.gov.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

12 Oktober 2024

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Ikhlil Fatimah Kamal Redzuan

+6019-7107479

fatimah.redzuan@perkeso.gov.my